

Event: Goldbell-YRF-ISCOS Bursary Awards 2016

Publication: Berita Harian, Page 16

Date: Tuesday, 13 December 2016

Headline: Dermasiswa Iscos buat 193 pelajar

Links to story:

<http://www.beritaharian.sg/setempat/dermasiswa-iscos-buat-193-pelajar>

<http://www.beritaharian.sg/setempat/bantuan-buat-anak-rasa-diberi-perhatian>

Dermasiswa Iscos buat 193 pelajar

PERSATUAN Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) telah mengemukakan dermasiswa bernilai lebih \$63,000 kepada 193 pelajar kurang bernasib baik yang terdiri daripada peringkat sekolah rendah, menengah, dan pengajian tinggi.

Anugerah dermasiswa ini merupakan acara tahunan yang telah diadakan sejak 2011. Namun, sejak tahun lepas, acara tahunan itu telah ditaja oleh Yayasan Goldbell.

Anugerah dermasiswa Goldbell-Reben Kuning Dana-Isicos telah disampaikan kepada anak pesalah dan bekas banduan yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah.

Keluarga-keluarga itu telah dikenal pasti melalui Program Dana Reben Kuning-Isicos 'Fairly Godparent' (FGP), sebuah program yang disasarkan kepada kanak-kanak dan keluarga bekas banduan, di mana ia membantu dalam memberi sokongan keluarga juga pembelajaran.

Anugerah dermasiswa itu merupakan inisiatif utama di bawah program FGP.

Tujuan anugerah seperti itu diadakan sebagai memberi ganjaran kepada mereka yang telah berusaha dengan tekun dan gigih dalam bidang akademik mereka untuk penggal ini.

Bagi melayakkan diri, penerima dermasiswa daripada setiap peringkat sekolah harus mendapatkan keputusan sekurang-kurangnya 55 peratus secara keseluruhan.

Tetamu terhormat di majlis tersebut ialah Anggota Parlimen GRC Jurong, Cik Rahayu Mahzan.

Dalam ucapan alu-eluannya, Cik Rahayu memberi kata-kata semangat kepada para penerima dermasiswa.

"Jadilah pelajar gigih dalam menuntut pengajian akademik anda. Jika anda mempunyai impian atau minat, berikan yang terbaik daripada apa yang anda mampu."

Menurut Cik Rahayu, pencapaian itu menunjukkan bahawa dengan sokongan dan galakan yang betul, pelajar boleh berkembang maju dan berjaya dalam pelajaran walaupun mereka sedang mengalami keadaan yang sukar.

"Anugerah dermasiswa ini dapat menyokong tahap pendidikan seseorang dan ia merupakan satu elemen yang sangat penting.



BANTUAN UNTUK PESALAH DAN BEKAS BANDUAN: Cik Rahayu (*berbaju hijau*) berpadang masyarakat perlu terus memberikan sokongan. Bersamanya ialah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Iscos, Enik Ching Hwee Hong (*berbaju kuning*); Pengurus Kanan, Pajabat Korporat Kumpulan, Goldbell Group, Cik Suchi Thor Ahmad (*bercermin mata*); Cik Sheila (*kanan*), dan anaknya Amira (*bukan nama sebenar*). – Foto M.O. SALLEH

Bantuan buat anak rasa diberi perhatian

"Kita semua tahu, melalui pendidikan yang dimanfaatkan seperti inilah, kita dapat membantu mereka yang datang daripada golongan susah untuk memperbaiki diri.

"Melalui pendidikan, mereka boleh hidup dengan keadaan yang lebih baik," tambah Cik Rahayu.

Biasanya yang diberi berbeza bagi setiap tahap pendidikan.

Mereka yang berada di peringkat darjah satu hingga tiga menerima dermasiswa sebanyak \$200 manakala peringkat darjah empat hingga enam menerima dermasiswa sebanyak \$250.

Pelajar menengah dan pengajian tinggi pula masing-masing menerima dermasiswa sebanyak \$400 dan \$500.

BUKAN mudah membuka lembaran baru. Beliau bukan saja merasakan bahawa ia sukar untuknya mendapat pekerjaan yang baru, malah Enik Farhan (*bukan nama sebenar*) rasa bagaikan halimunan pada isteri dan empat anaknya.

"Dulu sebelum saya masuk penjara, budak-budak semua mana ada pakai handphone. Sekarang bila saya balik rumah, isteri dengan handphone, anak dengan handphone, semua dengan gajet mereka," luah Enik Farhan.

Enik Farhan menyalahgunakan dadah seawal usia 12 tahun melalui pengaruh rakan-rakannya. Namun, beliau tidak menggunakan dadah untuk mengkhayalkan diri. Sebaliknya, beliau berbuat demikian kerana mahu menguatkan tenaga.

Kini setelah lebih setahun keluar dari penjara, beliau bertekad berhenti daripada tabiat buruknya kerana ingin memulakan hidup baru. Beliau juga kini lebih banyak mengikuti kelas agama di masjid.

Sekarang, Enik Farhan hanya menjual kuih lapis secara kecil-kecilan. Menurutnyanya, dengan adanya usaha sebegini, ia dapat memberikan anak-anaknya semangat agar terus belajar.

Bagi Cik Sheila (*bukan nama sebenar*) pula, usaha itu dapat sedikit sebanyak membantu beliau dan anaknya, sementara suaminya masih berada di dalam penjara.

Suami Cik Sheila sudah berada di dalam pen-

ajara selama setahun akibat dadah, dan masih mempunyai baki enam tahun di sana.

"Saya bangga dengan keputusan pencapaian sekolah anak saya. Dermasiswa ini hadiah untuk anak saya sebagai motivasi bagi pelajarannya agar dia boleh mengikuti pelajarannya," ujar pembantu di dapur itu.

Menurut Cik Sheila, beliau rasa bahawa IS-COS banyak membantu anaknya, Amira (*bukan nama sebenar*) tidak berasa sunyi.

"Dengan bantuan dari ISCOS ni, saya rasa anak saya diberi perhatian," katanya.

Amira, 10 tahun, dengan malu-malu berkata bahawa dia sangat gembira mendapat bantuan dermasiswa daripada ISCOS-Goldbell.

Text:

Dermaiswa Iscos buat 193 pelajar

PERSATUAN Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) telah menganugerahkan dermaiswa bernilai lebih \$63,000 kepada 193 pelajar kurang bernasib baik yang terdiri daripada peringkat sekolah rendah, menengah, dan pengajian tinggi.

Anugerah dermaiswa ini merupakan acara tahunan yang telah diadakan sejak 2011. Namun, sejak tahun lepas, acara tahunan itu telah ditaja oleh Yayasan Goldbell.

Anugerah dermaiswa Goldbell-Reben Kuning Dana-Iscos telah disampaikan kepada anak pesalah dan bekas banduan yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah.

Keluarga-keluarga itu telah dikenal pasti melalui Program Dana Reben Kuning-Iscos 'Fairy Godparent' (FGP), sebuah program yang disasarkan kepada kanak-kanak dan keluarga bekas banduan, di mana ia membantu dalam memberi sokongan keluarga juga pembelajaran.

Anugerah dermaiswa itu merupakan inisiatif utama di bawah program FGP.

Tujuan anugerah seperti itu diadakan sebagai memberi ganjaran kepada mereka yang telah berusaha dengan tekun dan gigih dalam bidang akademik mereka untuk penggal ini.

Bagi melayakkan diri, penerima dermaiswa daripada setiap peringkat sekolah harus mendapatkan keputusan sekurang-kurangnya 55 peratus secara keseluruhan.

Tetamu terhormat di majlis tersebut ialah Anggota Parlimen GRC Jurong, Cik Rahayu Mahzam.

Dalam ucapan alu-aluannya, Cik Rahayu memberi kata-kata semangat kepada para penerima dermaiswa.

"Jadilah pelajar gigih dalam menuntut pengajian akademik anda. Jika anda mempunyai impian atau minat, berikan yang terbaik daripada apa yang anda mampu."

Menurut Cik Rahayu, pencapaian itu menunjukkan bahawa dengan sokongan dan galakan yang betul, pelajar boleh berkembang maju dan berjaya dalam pelajaran walaupun mereka sedang mengalami keadaan yang sukar.

"Anugerah dermaiswa ini dapat menyokong tahap pendidikan seseorang dan ia merupakan satu elemen yang sangat penting.

"Kita semua tahu, melalui pendidikan yang dimanfaatkan seperti inilah, kita dapat membantu mereka yang datang daripada golongan susah untuk mempertingkatkan diri.

"Melalui pendidikan, mereka boleh hidup dengan keadaan yang lebih baik," tambah Cik Rahayu.

Biasiswa yang diberi berbeza bagi setiap tahap pendidikan.

Mereka yang berada di peringkat darjah satu hingga tiga menerima dermaiswa sebanyak \$200 manakala peringkat darjah empat hingga enam menerima dermaiswa sebanyak \$250.

Pelajar menengah dan pengajian tinggi pula masing-masing menerima dermaiswa sebanyak \$400 dan \$500.

English Translation:

ISCOS Bursary Awards for 193 students



HELP FOR CURRENT AND EX-OFFENDERS: Madam Rahayu (in green top) encouraged the community to continue to provide support. With her are: Chairman of ISCOS Board of Trustees, Mr Chng Hwee Hong (in yellow shirt); Senior Manager, Group Corporate Office of Goldbell Group, Ms Suchi Thor Ahmad (wearing spectacles), Madam Sheila and her child Amira (not their real name). Photo by M.O. Salleh

The Industrial & Services Co-Operative Society Limited (Iscos) has awarded over \$63,000 worth of bursaries to 193 underprivileged children from primary, secondary and tertiary education levels.

This is an annual event for ISCOS since 2011. The awards were sponsored by Goldbell Foundation since last year.

The Goldbell-Yellow Ribbon Fund-ISCOS bursary awards are offered to children of current and former offenders who come from low-income families.

The families are identified through the Yellow Ribbon Fund-ISCOS Fairy Godparent Programme (FGP), a programme targeted at children and families of ex-offenders, which they are given family and academic support.

The bursary awards is a key initiative under FGP, with the primary objective to serve as a reward for the students' hard work and perseverance for their school term.

To qualify, the recipients from every academic level have to achieve at least 55 per cent in their overall results.



The Guest of Honour for the ceremony was Madam Rahayu Mahzam, Member of Parliament for Jurong GRC.

In her welcome speech, Madam Rahayu offered words of encouragement to the award recipients.

“Be tenacious in your academic pursuits. If you have a dream or passion, pursue it to the best of your ability.”

According to Madam Rahayu, the achievements by the students showed that given the right backing and encouragement, students can thrive and do well in studies despite their circumstances and hardships.

"The bursary award can support the child’s education, which is a very important element.

As we all know, it is through academic support such as this bursary award that we are able to help those underprivileged groups to improve themselves.

Through education, they can lead a better life," added Madam Rahayu.

The amounts of bursaries given are different for every education level. Students in Primary One to Three receive \$200 each while those from Primary Four to Six receive \$250 each. The recipients from Secondary and Tertiary education level are each awarded \$400 and \$500 respectively.

Text:

Bantuan buat anak rasa diberi perhatian

BUKAN mudah membuka lembaran baru. Beliau bukan saja merasakan bahawa ia sukar untuknya mendapat pekerjaan yang baru, malah Encik Farhan (bukan nama sebenar) rasa bagaikan halimunan pada isteri dan empat anaknya.

"Dulu sebelum saya masuk penjara, budak-budak semua mana ada pakai handphone'. Sekarang bila saya balik rumah, isteri dengan handphone, anak dengan handphone, semua dengan gajet mereka," luah Encik Farhan.

Encik Farhan menyalahgunakan dadah seawal usia 12 tahun melalui pengaruh rakan-rakannya. Namun, beliau tidak menggunakan dadah untuk mengkhayalkan diri. Sebaliknya, beliau berbuat demikian kerana mahu menguatkan tenaga.

Kini setelah lebih setahun keluar dari penjara, beliau bertekad berhenti daripada tabiat buruknya kerana ingin memulakan hidup baru. Beliau juga kini lebih banyak mengikuti kelas agama di masjid.

Sekarang, Encik Farhan hanya menjual kuih lapis secara kecil-kecilan.

Menurutnya, dengan adanya usaha sebegini, ia dapat memberikan anak-anaknya semangat agar terus belajar.

Bagi Cik Sheila (bukan nama sebenar) pula, usaha itu dapat sedikit sebanyak membantu beliau dan anaknya, sementara suaminya masih berada di dalam penjara.

Suami Cik Sheila sudah berada di dalam penjara selama setahun akibat dadah, dan masih mempunyai baki enam tahun di sana.

"Saya bangga dengan keputusan pencapaian sekolah anak saya. Dermasiswa ini hadiah untuk anak saya sebagai motivasi bagi pelajarannya agar dia boleh mengikuti pelajarannya," ujar pembantu di dapur itu.

Menurut Cik Sheila, beliau rasa bahawa ISCOS banyak membantu anaknya, Amira (bukan nama sebenar) tidak berasa sunyi.

"Dengan bantuan dari ISCOS ni, saya rasa anak saya diberi perhatian," katanya.

Amira, 10 tahun, dengan malu-malu berkata bahawa dia sangat gembira mendapat bantuan dermasiswa daripada ISCOS-Goldbell.

English Translation:

The help gave child the attention she needed

It is not easy to start a new chapter of life. Not only did he feel that it is difficult to find a new job, Mr Farhan (not his real name) also felt 'invisible' and alien to his wife and four children.

"Last time before I went into prison, no children use handphone. Now when I come home, (I see) wife with handphone, kids with handphone, all busy with their gadgets," lamented Mr Farhan.

Mr Farhan started abusing drug when he was as young as 12 years old, under peer influence. However, it was not for self-indulgence or pleasure. He did so to boost his energy level.

Now, after more than a year away from prison, he is determined to kick off the bad habits as he hopes to start his life afresh. He is also attending religious classes at the mosque more frequently.

Mr Farhan now owns a small business of selling layer cakes.

According to him, such efforts will also motivate his children to continue study hard.

As for Madam Sheila (not her real name) pula, the award can somehow help to relief the burden for her and her child, while her husband is still serving time in the prison.

Madam Sheila's husband was already in jail for a year due to drug-related offence, and has a remaining term of six years to go.

"I am proud of my child's academic results. This bursary will be a gift for my child, to be motivated and continue to pursue her studies, " said the kitchen helper.

According to Madam Sheila, she felt that ISCOS has been a great help for her child, Amira (not her real name) so that she does not feel lonely.

"With the help from ISCOS, I felt my child is given the attention she needs," she said.

Amira, 10 years old, said shyly that she was very happy to receive the bursary from ISCOS-Goldbell.